



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

Green
Electricity Tariff

Green Electricity Tariff (GET) adalah penyelesaian berasaskan langganan yang memenuhi keperluan pengguna dan organisasi mesra alam untuk membekalkan premis kediaman dan perniagaan dengan elektron hijau dari sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) yang disahkan dengan **Malaysia Renewable Energy Certificate (mREC)** yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Bagi tahun 2025, pengguna boleh memilih untuk melanggan kadar premium GET tambahan serendah 8 sen/kWj* dengan tempoh yang lebih panjang. Tertakluk kepada jumlah kuota tersedia sebanyak **6,600GWj**, semua pengguna TNB boleh melanggan program GET melalui **portal myTNB** mulai **11.00 pagi, 1 Mac 2025**.

*Kadar premium GET bagi Pengguna Kediaman dan Pengguna Bukan Kediaman Voltan Rendah dengan tempoh langganan selama 3 tahun.

Ciri-ciri GET

Pengguna perlu bayar:

1) Kadar tarif standard mengikut Jadual Tarif terpakai bagi jumlah penggunaan elektrik bulanan anda.

2) Kadar langganan premium GET:

Kategori Pelanggan	Tempoh Langganan (2025 - 2027)		
	1 tahun	2 tahun	3 tahun
Kadar Langganan			
Pengguna Kediaman dan Pengguna Bukan Kediaman Voltan Rendah**	10 sen/kWj	9 sen/kWj	8 sen/kWj
Pengguna Bukan Kediaman Voltan Sederhana dan Voltan Tinggi***	20 sen/kWj	19 sen/kWj	18 sen/kWj

**Tarif: Kediaman A, Perdagangan B, Perindustrian D, Perlombongan F, Pertanian Spesifik H dan Lampu Jalan G & G1

***Tarif: Perdagangan C1, C2, C3 & C4, Perindustrian E1, E2 & E3, Perlombongan F1 & F2 dan Pertanian Spesifik H1 & H2

Langganan berdasarkan blok:

Anda boleh melanggan daripada minimum satu (1) blok tertakluk kepada kategori Pengguna Kediaman dan Bukan Kediaman.



Pengguna Kediaman
1 blok = 100 kWj



Pengguna Bukan Kediaman
1 blok = 1,000 kWj

Nota: Secara first-come, first-served tertakluk kepada penilaian TNB dan baki kuota yang tersedia.

Tempoh langganan adalah sehingga 31 Disember berdasarkan tempoh langganan yang dipilih.

Pembaharuan langganan GET adalah secara automatik untuk tempoh seterusnya berdasarkan tempoh langganan yang dipilih.

Pilihan langganan secara backdate subscription bermula **1 Januari 2025**.



Nota:
i. Penamatan awal langganan adalah tertakluk kepada caj penamatan sebagaimana termaktub di dalam terma dan syarat GET.
ii. Tertakluk kepada terma dan syarat.

Manfaat GET



Pengecualian Caj Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)

Caj ICPT tidak akan dikenakan dalam bil anda mengikut penggunaan tenaga hijau sebenar (terhad kepada blok GET yang dilanggan).



Diiktiraf di Peringkat Antarabangsa

Malaysia Renewable Energy Certificate (mREC) akan dikeluarkan selepas berakhirnya tahun kalendar bagi mengesahkan jumlah tenaga elektrik hijau yang digunakan untuk tahun tersebut.

Layari portal myTNB di www.mytnb.com.my untuk melanggan GET

Untuk maklumat lanjut: Layari www.tnb.com.my/get

Hubungi TNB CareLine di 1-300-88-5454 | E-mel ke tnbcareline@tnb.com.my

Suruhanjaya Tenaga
Energy Commission

TENAGA NASIONAL
Better. Brighter.

TNBX
Your Trusted Energy Partner
A wholly owned subsidiary of TNB